

27/09/2002

Nik Aziz perlu minta maaf: TPM

Kadir Dikoh

KUALA LANGAT, Khamis - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengakui tersilap ketika berceramah dengan mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pandai membaca al-Quran, perlu meminta maaf kepada Perdana Menteri.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Menteri Besar Kelantan itu juga perlu menjelaskan pengakuan silapnya itu dalam ceramahnya selepas ini kerana dakwaan itu dilakukan dalam ceramah umumnya sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, itu sewajarnya dilakukan oleh Nik Aziz selepas mengakui kesilapan dalam kenyataan yang dibuatnya di hadapan orang ramai.

"Memang tuduhan mengatakan Perdana Menteri kita tak tahu baca al-Quran itu serius. Sebagai pemimpin orang Islam, pemimpin Melayu, tentulah tuduhan seperti itu menjatuhkan maruahnya.

"Pihak Umno, anggota parti kita sudah pun mengambil tindakan (laporan polis) terhadap Nik Aziz. Sekarang dia menyatakan dia buat kesilapan. Jadi terserah kepada pihak yang membawa kesnya kepada polis," katanya selepas menyampaikan hadiah pemenang pertandingan Desa Cemerlang peringkat kebangsaan di Kampung Batu Laut di sini, hari ini.

Semalam, Nik Aziz sambil mengakui tersilap mendakwa Dr Mahathir sebagai tidak pandai membaca al-Quran berkata, apa yang sebenarnya ingin dikatakan ialah Perdana Menteri Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.

Ahad lalu, seorang ahli perniagaan membuat laporan polis berhubung kenyataan berbentuk fitnah Nik Aziz terhadap Perdana Menteri.

Mohd Zain Yasim, 35, membuat laporan itu di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) di Kota Bahru, bersama kaset dipercayai mengandungi rakaman ucapan Nik Aziz sebagai bukti.

Peniaga itu berkata, dakwaan Nik Aziz kononnya Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran disampaikan dalam satu ceramah di Sekolah Menengah Agama Arab Beris Lalang, dekat sini, kira-kira jam 11 malam, Sabtu lalu.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, beliau tidak tahu sama ada dakwaan Nik Aziz dalam ceramah itu sengaja dilakukan atau mengakui kesilapan itu kemudian selepas laporan polis dibuat.

"Dia kata tersilap, boleh jadi kerana manusia pun biasa tersilap juga. Apa yang pembangkang cakap dalam apa juga ceramah dan di mana-mana pun, adalah berupa kenyataan yang dibuat secara lisan," katanya.

Mengenai kenyataan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan bahawa kira-kira 700 pesakit itu mati setiap tahun kerana tak mampu menanggung kos rawatan menerusi dialisis, beliau berkata orang ramai sepatutnya menderma lebih banyak mesin bagi tujuan itu terutama di pusat rawatan yang diusahakan oleh badan bukan kerajaan atau hospital kerajaan.